

01 OCT 1997

MAHATHIR LANCAR PROJEK BANDAR PERDANA BARU M'SIA-CHILE

Oleh: Syed Jamil Jaafar

SANTIAGO, 1 Okt (Bernama) -- Sebuah syarikat Malaysia yang disenaraikan, MTD Capital Bhd, dan rakan kongsinya dari Chile akan memajukan sebuah bandar perdana di kawasan kaki pergunungan Andes, 40 kilometer ke selatan sini dalam satu perjanjian yang melebihi RM3 bilion.

Projek pembangunan El Principal di Pirque menjanjikan pembentukan sebuah bandar perdana dan kawasan peranginan luar bandar yang akan dibina dengan tema "kehidupan di dunia yang lebih baik".

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang berada di sini dalam rangka lawatan selama tiga hari, merasmikan majlis pecah tanah di tapak projek yang berlatar belakang kawasan pergunungan Andes, semalam.

MTD Capital dan rakan kongsinya, pemilik tanah Jorge Fontaine, telah membentuk sebuah syarikat usaha sama, MTD Chile S.A. untuk menguruskan projek itu. MTD memegang 51 peratus pegangan dalam syarikat itu manakala Fontaine 49 peratus.

Bandar perdana itu yang meliputi kawasan seluas 600 hektar dengan pilihan bagi perluasan seluas 630 hektar lagi, akan mengandungi rumah dan kondominium, pusat daerah, pusat bandar, hotel dan chalet, lapangan golf 18 lubang, pusat permainan polo dan ekuin, tasik buatan manusia dan kemudahan rekreasi serta eko pelancongan lain.

Bandar itu akan dimajukan dalam tempoh 10 hingga 15 tahun dengan pelaburan sebanyak AS\$1 bilion (RM3.3 bilion).

Projek itu adalah pelaburan besar pertama Malaysia di Chile, dan Dr Mahathir dalam kenyataannya di majlis itu memberitahu rakan kongsi Malaysia supaya menjamin kejayaan skim itu.

Pengerusi MTD Datuk Dr Nik Hussein Abdul Rahman berkata, projek itu diilhamkan 18 bulan lalu sebagai memberi reaksi terhadap saranan Perdana Menteri kepada usahawan Malaysia untuk meneroka lebih jauh ke peringkat antarabangsa dan memperkenalkan kerjasama Selatan-Selatan. -- BERNAMA

SJ ZK OS